Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

NOTA:
Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

i. - Tiada kes
ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama tanaman buah-buahan hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman buah-buahan untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman buah-buahan merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman buah-buahan dijalankan.

Penerbitan ini membentangkan parameter utama tanaman buah-buahan kecuali nanas. Parameter utama nanas diterbitkan secara berasingan dalam Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Nanas.

2.0 LATAR BELAKANG

Tanaman buah-buahan merupakan salah satu komponen penting dalam sektor pertanian negara dan menyumbang kepada kestabilan ekonomi luar bandar serta keterjaminan makanan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi aktiviti tanaman buah-buahan di Malaysia pada tahun 2023 adalah RM5.23 bilion berbanding RM5.18 bilion pada tahun 2022. Berdasarkan laporan Perangkaan Agromakanan Malaysia 2023 oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), tanaman buah-buahan adalah penyumbang terbesar kepada pengeluaran tanaman iaitu 46.2 peratus diikuti dengan tanaman sayur-sayuran (28.5%). Kadar Sara Diri (SSR) bagi buah-buahan juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2023 iaitu 79.8 peratus berbanding 78.1 peratus pada tahun sebelumnya. Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023 juga melaporkan lapan jenis buah-buahan telah merekodkan SSR melebihi 100.0 peratus pada 2023. SSR yang melebihi 100.0 peratus menunjukkan pengeluaran tempatan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Jadual 1: Buah-buahan dengan Kadar Sara Diri (SSR) melebihi 100 peratus, Malaysia, 2023

Buah- buahan	SSR (%)
Belimbing	120.0
Betik	131.8
Cempedak/ Nangka	109.4
Durian	103.9
Jambu batu	101.8
Langsat	135.3
Rambutan	100.0
Tembikai	131.4

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023

Di samping itu, Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi mangga pada 2023 adalah 103.4 peratus, lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya (79.7%). Beberapa jenis buah-buahan terpilih lain turut merekodkan peningkatan nilai import bagi tahun 2023 berbanding 2022.

Jadual 2: Import Buah-buah Terpilih, Malaysia, 2022-2023


Buah- buahan	2022 (Tan metrik)	2023 (Tan metrik)
Betik	502.1	1,057.4
Cempedak/ Nangka	73.0	924.8
Durian	6,802.0	18,928.2
Langsat	533.3	3,031.6
Mangga	22,941.6	50,047.2
Pisang	19,535.4	35,456.7
Tembikai	7,905.4	10,907.8

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023

3.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN BUAH-BUAHAN

Aktiviti tanaman buah-buahan di Malaysia telah mencatatkan penglibatan seramai 90,106 pegangan pertanian pada tahun 2023. Keluasan bertanam yang direkodkan adalah seluas 188,025.4 hektar dengan keluasan bertuai seluas 156,916.0 hektar. Jumlah kuantiti pengeluaran buah-buahan adalah 1,791,089.9 tan metrik manakala kuantiti jualan direkodkan 1,436,216.9 tan metrik. Nilai jualan bagi tanaman buah-buahan telah direkodkan RM14,137.42 juta.

Paparan 1: Parameter Utama Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023



4.0 PEGANGAN PERTANIAN BUAH-BUAHAN

Secara keseluruhan, aktiviti tanaman buah-buahan di Malaysia adalah melibatkan 90,106 pegangan pertanian dengan bilangan pegangan pertanian individu adalah seramai 87,731 orang. Manakala, pegangan pertanian pertubuhan pula adalah 2,375 pertubuhan. Bilangan pegangan pertanian individu buah-buahan tertinggi direkodkan di Terengganu 17,610 orang. Ini diikuti dengan Sabah (13,802 orang), Johor (12,320 orang), Perak (12,176 orang) dan Sarawak (9,484 orang). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan bilangan pertubuhan yang tertinggi iaitu 526 pertubuhan, diikuti dengan Pahang (433 pertubuhan), Perak (259 pertubuhan), Selangor (252 pertubuhan) dan Negeri Sembilan (198 pertubuhan).

Paparan 2: Pegangan Pertanian Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

MALAYSIA			Individu: 87,731 Pertubuhan: 2,375
NEGERI		INDIVIDU	PERTUBUHAN
Johor		12,320	526
Kedah		2,799	113
Kelantan		5,712	28
Melaka		1,114	131
Negeri Sembilan		2,844	198
Pahang		3,918	433
Perak		12,176	259
Perlis		2,914	36
Pulau Pinang		934	116
Sabah		13,802	27
Sarawak		9,484	86
Selangor		1,847	252
Terengganu		17,610	81
W.P. Kuala Lumpur		19	81
W.P. Labuan		221	5
W.P. Putrajaya		17	3

Muar, Johor merekodkan bilangan pegangan pertanian individu buah-buahan tertinggi iaitu 3,724 orang. Ini diikuti dengan Kuala Terengganu, Terengganu (3,383 orang), Kuala Nerus, Terengganu (3,110 orang), Marang, Terengganu (2,940 orang) dan Batang Padang, Perak (2,489 orang). Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Bentong, Pahang merekodkan bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi iaitu 130 pertubuhan. Ini diikuti dengan Temerloh, Pahang (117 pertubuhan), Tangkak, Johor (89 pertubuhan), Kinta, Perak (85 pertubuhan) dan Muar, Johor (82 pertubuhan).

**Paparan 3: Pegangan Pertanian Tanaman Buah-buahan bagi
10 Daerah Teratas, 2023**


DAERAH	PEGANGAN PERTANIAN	DAERAH	INDIVIDU	DAERAH	PERTUBUHAN
Muar, Johor	3,806	Muar, Johor	3,724	Bentong, Pahang	130
Kuala Terengganu, Terengganu	3,398	Kuala Terengganu, Terengganu	3,383	Temerloh, Pahang	117
Kuala Nerus, Terengganu	3,118	Kuala Nerus, Terengganu	3,110	Tangkak, Johor	89
Marang, Terengganu	2,952	Marang, Terengganu	2,940	Kinta, Perak	85
Batang Padang, Perak	2,516	Batang Padang, Perak	2,489	Muar, Johor	82
Dungun, Terengganu	2,460	Dungun, Terengganu	2,445	Batu Pahat, Johor	81
Larut dan Matang, Perak	2,392	Larut dan Matang, Perak	2,362	Raub, Pahang	79
Kemaman, Terengganu	1,990	Kemaman, Terengganu	1,985	Gombak, Selangor	67
Tawau, Sabah	1,943	Tawau, Sabah	1,942	Kota Tinggi, Johor	66
Raub, Pahang	1,856	Segamat, Johor	1,782	Seremban, Negeri Sembilan	62

4.1 Pegangan Pertanian Individu

4.1.1 Kewarganegaraan

Tanaman buah-buahan di Malaysia diusahakan oleh pegangan pertanian individu berstatus warganegara iaitu 86,388 orang atau 98.5 peratus. Manakala, 1,343 orang pegangan pertanian individu berstatus bukan warganegara.


Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut
Kewarganegaraan, Malaysia, 2023



4.1.2 Kumpulan Etnik

Bumiputera merupakan kumpulan etnik terbesar dalam kalangan pegangan pertanian individu tanaman buah-buahan iaitu 75,050 orang (86.9%). Ini diikuti oleh kumpulan etnik Cina yang mencatatkan 10,024 orang (11.6%), manakala etnik India berjumlah 758 orang (0.9%).


Paparan 5 : Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut
Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023



4.1.3 Jantina

Pegangan pertanian individu bagi tanaman buah-buahan di Malaysia didominasi oleh lelaki iaitu 74,465 orang (84.9%) berbanding 13,266 orang perempuan (15.1%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki lebih tinggi berbanding perempuan.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Buah-buahan mengikut Jantina, Malaysia, 2023



4.1.4 Kumpulan Umur

Lebih 40 peratus daripada pegangan pertanian individu tanaman buah-buahan berumur 60 tahun ke atas, iaitu seramai 37,518 orang (42.8%). Ini diikuti oleh mereka yang berumur 46 hingga 59 tahun (29,288 orang; 33.4%), 31 hingga 45 tahun (17,886 orang; 20.4%), dan 15 hingga 30 tahun (3,039 orang). Secara keseluruhan, pegangan pertanian individu yang berumur 31 tahun dan ke atas menyumbang kepada 96.6 peratus daripada jumlah pegangan pertanian buah-buahan.

Paparan 7 : Pegangan Pertanian Individu Buah-buahan mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023



4.1.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu tanaman buah-buahan mengikut taraf perkahwinan didahului oleh mereka yang berstatus berkahwin (65,878 orang; 75.1%). Ini diikuti oleh balu/ duda (13,701 orang; 15.6%) dan tidak pernah berkahwin (6,939 orang; 7.9%).


Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



4.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Lebih 40 peratus dari pegangan pertanian individu tanaman buah-buahan mempunyai taraf pendidikan menengah iaitu 37,091 orang (42.3%). Ini diikuti oleh pegangan pertanian dengan latar belakang pendidikan rendah, 24,813 orang (24.8%) dan tiada sijil berjumlah 21,387 orang (24.3%).


Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



5.0 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam bagi tanaman buah-buahan adalah seluas 188,025.4 hektar. Luas bertanam bagi pegangan pertanian individu adalah 145,690.2 hektar, manakala luas bertanam bagi pegangan pertanian pertubuhan adalah 42,335.1 hektar.

Paparan 10: Keluasan Bertanam Tanaman Buah-buahan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



Berbanding negeri lain, Johor mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar seluas 39,393.2 hektar. Ini diikuti oleh Pahang 29,974.7 hektar, Sarawak 27,388.6 hektar, Sabah 20,749.0 hektar dan Kelantan 16,409.1 hektar. Dari segi pegangan pertanian individu, Johor mendahului dengan keluasan bertanam terbesar iaitu 29,638.6 hektar. Ini diikuti oleh Sarawak 26,464.4 hektar, Sabah 20,501.7 hektar, Pahang 16,073.2 hektar dan Kelantan 14,142.6 hektar. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar 13,901.5 hektar. Ini diikuti oleh Johor 9,754.7 hektar, Perak 4,152.5 hektar, Kedah 3,170.0 hektar dan Negeri Sembilan 2,558.2 hektar.

Paparan 11: Lima Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam Tanaman
Buah-buahan, Malaysia, 2023

hektar % sumbangan		
1.	Johor	39,393.2 21.0
2.	Pahang	29,974.7 15.9
3.	Sarawak	27,388.6 14.6
4.	Sabah	20,749.0 11.0
5.	Kelantan	16,409.1 8.7

Di peringkat daerah, Raub, Pahang mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar seluas 14,814.9 hektar. Ini diikuti oleh Segamat, Johor 10,237.2 hektar, Batu Pahat, Johor 8,662.2 hektar, Tangkak, Johor 6,094.9 hektar dan Jeli, Kelantan 5,352.0 hektar. Dari segi pegangan pertanian individu, Segamat, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar iaitu 8,361.7 hektar. Ini diikuti oleh Raub, Pahang dengan 6,764.4 hektar, Batu Pahat, Johor 6,075.6 hektar, Jeli, Kelantan 5,316.5 hektar dan Tangkak, Johor 4,757.3 hektar. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, daerah dengan keluasan bertanam terbesar direkodkan oleh Raub, Pahang 8,050.5 hektar. Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor dengan keluasan bertanam seluas 2,586.6 hektar, Temerloh, Pahang 2,185.7 hektar, Segamat, Johor 1,875.5 hektar serta Larut dan Matang, Perak 1,757.1 hektar.


Paparan 12: Lima Daerah Teratas bagi Keluasan Bertanam Tanaman
Buah-buahan, Malaysia, 2023

hektar % sumbangan		
1.	Raub, Pahang	14,814.9 7.9
2.	Segamat, Johor	10,237.2 5.4
3.	Batu Pahat, Johor	8,662.2 4.6
4.	Tangkak, Johor	6,094.9 3.4
5.	Jeli, Kelantan	5,352.0 2.8

6.0 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai bagi tanaman buah-buahan adalah seluas 156,916.0 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu adalah seluas 116,228.6 hektar manakala keluasan bertuai bagi pertubuhan seluas 40,687.4 hektar.

Paparan 13: Keluasan Bertuai Tanaman Buah-buahan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



Johor mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar seluas 35,582.9 hektar. Ini diikuti oleh Pahang dengan 25,000.6 hektar, Sabah 15,976.1 hektar, Kelantan 14,900.0 hektar dan Sarawak 13,577.4 hektar. Dari segi pegangan pertanian individu, Johor mendahului dengan keluasan bertuai terbesar iaitu 26,052.2 hektar. Ini diikuti oleh Sabah 15,745.6 hektar, Kelantan 12,878.9 hektar, Sarawak 12,739.1 hektar dan Pahang 11,935.2 hektar. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar seluas 13,065.4 hektar. Ini diikuti oleh Johor dengan 9,530.8 hektar, Perak 4,137.9 hektar, Kedah 3,044.9 hektar dan Negeri Sembilan 2,523.2 hektar.

Paparan 14: Lima Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

hektar % sumbangan		
1.	Johor	35,582.9 22.7
2.	Pahang	25,000.6 15.9
3.	Sabah	15,976.1 10.2
4.	Kelantan	14,900.0 9.5
5.	Sarawak	13,577.4 8.7

Di peringkat daerah, Raub, Pahang mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar seluas 11,874.6 hektar. Ini diikuti oleh, Segamat, Johor dengan 9,588.9 hektar, Batu Pahat, Johor 7,668.9 hektar, Tangkak, Johor 5,514.4 hektar dan Jeli, Kelantan 4,916.1 hektar. Dari segi pegangan pertanian individu, Segamat, Johor merekodkan keluasan bertuai tertinggi iaitu 7,790.5 hektar. Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor 5,171.1 hektar, Jeli, Kelantan 4,480.6 hektar, Raub, Pahang 4,520.5 hektar dan Tangkak, Johor 4,231.3 hektar. Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, daerah dengan keluasan bertuai tertinggi direkodkan oleh Raub, Pahang seluas 7,354.1 hektar. Ini diikuti oleh, Batu Pahat, Johor dengan 2,497.8 hektar, Temerloh, Pahang 2,103.2 hektar, Segamat, Johor 1,798.4 hektar serta Larut dan Matang, Perak 1,756.0 hektar.


Paparan 15: Lima Daerah Teratas bagi Keluasan Bertuai Tanaman
Buah-buahan, Malaysia, 2023

hektar % sumbangan		
1.	Raub, Pahang	11,874.6 7.6
2.	Segamat, Johor	9,588.9 6.1
3.	Batu Pahat, Johor	7,668.9 4.9
4.	Tangkak, Johor	5,514.4 3.5
5.	Jeli, Kelantan	4,916.1 3.1

7.0 KUANTITI PENGELUARAN

Jumlah kuantiti pengeluaran buah-buahan adalah 1,791,089.9 tan metrik, dimana 70.3 peratus daripadanya adalah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (1,259,093.0 tan metrik). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang 29.7 peratus kepada jumlah kuantiti pengeluaran buah-buahan iaitu 531,996.9 tan metrik.

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Buah-buahan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



Johor merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 563,392.6 tan metrik. Ini diikuti oleh Pahang dengan 241,742.6 tan metrik, Kelantan 199,766.9 tan metrik, Perak 156,964.6 tan metrik dan Sabah 140,171.9 tan metrik. Bagi pegangan pertanian individu, Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 377,880.6 tan metrik. Ini diikuti oleh Kelantan 171,332.2 tan metrik, Sabah 137,580.4 tan metrik, Perak 111,098.3 tan metrik dan Pahang 110,593.6 tan metrik. Sementara itu, negeri dengan pegangan pertanian pertubuhan yang mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah Johor dengan 185,512.1 tan metrik. Ini diikuti oleh Pahang 131,148.9 tan metrik, Perak 45,866.3 tan metrik, Negeri Sembilan 32,205.6 tan metrik dan Selangor 31,461.3 tan metrik.

Paparan 17: Lima Negeri Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran
Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

tan metrik % sumbangan		
1.	Johor	563,392.6 31.5
2.	Pahang	241,742.6 13.5
3.	Kelantan	199,766.9 11.2
4.	Perak	156,964.6 8.8
5.	Sabah	140,171.9 7.8

Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran buah-buahan tertinggi dengan 166,371.2 tan metrik. Ini diikuti oleh Raub, Pahang dengan 132,231.5 tan metrik, Tangkak, Johor 118,528.5 tan metrik, Kluang, Johor 65,407.6 tan metrik dan Muar, Johor 59,290.9 tan metrik. Bagi pegangan pertanian individu, Batu Pahat, Johor mendahului dengan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 99,143.4 tan metrik. Ini diikuti oleh Tangkak, Johor 83,309.9 tan metrik, Raub, Pahang 48,021.8 tan metrik, Kluang, Johor 45,369.1 tan metrik dan Jeli, Kelantan 41,885.0 tan metrik. Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan Raub, Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran buah-buahan tertinggi iaitu 84,209.7 tan metrik. Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor 67,227.9 metrik, Tangkak, Johor 35,218.6 tan metrik, Muar, Johor 22,516.2 tan metrik dan Kota Tinggi, Johor 20,509.4 tan metrik.


Paparan 18: Lima Daerah Teratas bagi Kuantiti Pengeluaran
Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

tan metrik % sumbangan		
1.	Batu Pahat, Johor	166,371.2 9.3
2.	Raub, Pahang	132,231.5 7.4
3.	Tangkak, Johor	118,528.5 6.6
4.	Kluang, Johor	65,407.6 3.7
5.	Muar, Johor	59,290.9 3.3

8.0 KUANTITI JUALAN

Jumlah kuantiti jualan buah-buahan adalah 1,436,216.9 tan metrik dimana 63.2 peratus daripadanya adalah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (907,213.7 tan metrik). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang 36.8 peratus kepada kuantiti jualan buah-buahan iaitu 529,003.2 tan metrik.

**Paparan 19: Kuantiti Jualan Tanaman Buah-buahan mengikut
Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023**



Johor merekodkan jumlah kuantiti jualan tertinggi 387,132.3 tan metrik. Ini diikuti oleh Pahang dengan 226,721.0 tan metrik, Kelantan 165,066.5 tan metrik, Perak 124,250.2 tan metrik dan Sabah 115,844.9 tan metrik. Bagi pegangan pertanian individu, Johor mendahului dengan kuantiti jualan tertinggi iaitu 202,276.4 tan metrik. Ini diikuti oleh Kelantan 137,818.7 tan metrik, Sabah 113,280.6 tan metrik, Pahang 96,058.0 tan metrik dan Perak 78,505.3 tan metrik. Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 184,855.9 tan metrik. Ini diikuti oleh Pahang 130,663.0 tan metrik, Perak 45,744.9 tan metrik, Negeri Sembilan 32,124.0 tan metrik dan Selangor 31,402.5 tan metrik.

Paparan 20: Lima Negeri Teratas bagi Kuantiti Jualan
Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

tan metrik % sumbangan		
1.	Johor	387,13202 27.0
2.	Pahang	226,721.0 15.8
3.	Kelantan	165,066.5 11.5
4.	Perak	124,250.2 8.7
5.	Sabah	115,844.9 8.1

Bagi daerah, Raub, Pahang mencatatkan kuantiti jualan buah-buahan tertinggi 125,925.3 tan metrik. Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor dengan 117,226.1 tan metrik, Tangkak, Johor 73,068.8 tan metrik, Segamat, Johor 45,949.8 tan metrik dan Larut dan Matang 44,087.6 tan metrik. Bagi pegangan pertanian pertubuhan individu, Batu Pahat, Johor merekodkan kuantiti jualan buah-buahan tertinggi iaitu 50,118.8 tan metrik. Ini diikuti oleh Raub, Pahang 41,958.0 tan metrik, Tangkak, Johor 37,886.3 tan metrik, Jeli, Kelantan 36,394.6 tan metrik dan Segamat, Johor 32,072.4 tan metrik. Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan, daerah yang mencatatkan kuantiti jualan tertinggi adalah Raub, Pahang dengan 83,967.3 tan metrik. Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor 67,107.3 tan metrik, Tangkak, Johor 35,182.5 tan metrik, Muar, Johor 22,486.2 tan metrik dan Kota Tinggi, Johor 20,132.5 tan metrik.


Paparan 21: Lima Daerah Teratas bagi Kuantiti Jualan
Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

tan metrik % sumbangan		
1.	Raub, Pahang	125,925.3 8.8
2.	Batu Pahat, Johor	117,226.1 8.2
3.	Tangkak, Johor	73,068.8 5.1
4.	Segamat, Johor,	45,949.8 3.2
5.	Larut dan Matang, Perak	53,757.8 3.1

9.0 NILAI JUALAN

Jumlah nilai jualan buah-buahan adalah RM14,137.42 juta dimana 59.3 peratus daripadanya adalah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM8,386.38 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang 40.7 peratus kepada jumlah nilai jualan buah-buahan iaitu RM5,751.03 juta.

**Paparan 22: Nilai Jualan Tanaman Buah-buahan mengikut
Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023**



Johor merekodkan nilai jualan buah-buahan tertinggi iaitu RM4,942.48 juta. Ini diikuti oleh Pahang dengan RM2,651.23 juta, Kelantan RM1,433.86 juta, Kedah RM989.29 juta dan Perak RM738.91 juta. Negeri dengan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Johor dengan RM3,157.46 juta. Ini diikuti oleh Kelantan RM1,058.83 juta, Pahang RM787.09 juta, Kedah RM549.77 juta dan Sabah RM509.17 juta. Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang mencatatkan nilai jualan buah-buahan tertinggi iaitu RM1,864.14 juta. Ini diikuti oleh Johor RM 1,785.01 juta, Kedah RM439.52 juta, Perak RM376.90 juta dan Kelantan RM375.03 juta.

Paparan 23: Lima Negeri Teratas bagi Nilai Jualan
Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

RM juta % sumbangan		
1.	Johor	4,942.48 35.0
2.	Pahang	2,651.23 18.8
3.	Kelantan	1,433.86 10.1
4.	Kedah	989.29 7.0
5.	Perak	738.91 5.2

Di peringkat daerah, Raub, Pahang mencatatkan nilai jualan buah-buahan tertinggi iaitu RM2,068.89 juta. Ini diikuti oleh Tangkak, Johor dengan RM1,090.36 juta, Batu Pahat, Johor RM999.63 juta, Muar, Johor RM840.14 juta dan Segamat, Johor RM699.70 juta. Daerah dengan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian individu adalah Tangkak, Johor dengan RM700.72 juta. Ini diikuti oleh, Batu Pahat, Johor RM627.96 juta, Segamat, Johor RM575.49 juta, Raub, Pahang RM538.51 juta dan Kluang, Johor RM495.88 juta. Sementara itu, Raub, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan iaitu RM1,530.37 juta. Ini diikuti oleh, Muar, Johor dengan RM533.73 juta, Tangkak, Johor RM389.64 juta, Batu Pahat, Johor RM371.68 juta serta Larut dan Matang RM244.24 juta.


Paparan 24: Lima Daerah Teratas bagi Nilai Jualan
Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

RM juta % sumbangan		
1.	Raub, Pahang	2,068.89 14.6
2.	Tangkak, Johor	1,090.36 7.7
3.	Batu Pahat, Johor	999.63 7.1
4.	Muar, Johor, Johor	840.14 5.9
5.	Segamat, Johor	699.70 4.9

10.0 TANAMAN DURIAN

Durian yang dikenali sebagai Raja Buah merupakan antara tanaman buah-buahan utama di Malaysia. Dengan pelbagai varieti tempatan seperti D24, Duri Hitam, Undang Merah, XO dan Musang King, durian bukan sahaja menjadi simbol identiti budaya, malah turut menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023, Malaysia telah mengeksport 41,067.6 tan metrik durian, 6.4 peratus lebih rendah berbanding kuantiti yang dieksport pada tahun 2022 (43,864.5 tan metrik). Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi durian meningkat kepada 16.6 kg/tahun pada tahun 2023 berbanding 12.4 kg/tahun pada tahun sebelumnya.


Carta 1: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC), Durian, Malaysia 2022-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi durian pada 2023 adalah 103.9 peratus (2022: 108.9%) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula direkodkan 3.3 peratus, meningkat berbanding 1.6 peratus pada 2022.

Carta 2: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR)
Malaysia, 2022-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

10.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN DURIAN

Tanaman durian merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi di Malaysia dengan 793,683.2 tan metrik. Sejumlah 33,284 pegangan pertanian durian direkodkan yang terdiri daripada 32,197 pegangan pertanian individu dan 1,087 pegangan pertanian pertubuhan. Durian merekodkan jumlah keluasan bertanam dengan 94,800.8 hektar dengan keluasan bertuai iaitu 81,828.9 hektar. Kuantiti jualan durian adalah sejumlah 617,408.4 tan metrik dan nilai jualan RM11,751.28 juta. Purata harga durian adalah RM19.03/kg, manakala produktiviti bagi tanaman durian adalah 9.7 tan metrik/hektar.

Paparan 25: Parameter Utama Tanaman Durian, Malaysia, 2023



10.1.1 Pegangan Pertanian

Sejumlah 33,284 pegangan pertanian individu (96.7%) terlibat dalam penanaman durian manakala, pegangan pertanian pertubuhan adalah 1,087. Lima negeri dengan bilangan pegangan pertanian durian tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Perak (6,237 pegangan pertanian), Sarawak (5,051 pegangan pertanian), Sabah (4,620 pegangan pertanian), Johor (3,782 pegangan pertanian) dan Pahang (3,286 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 69.0 peratus kepada jumlah pegangan pertanian durian di Malaysia. Di peringkat daerah, Raub, Pahang (1,744 pegangan pertanian), Muar,

Johor (1,655 pegangan pertanian), Larut dan Matang, Perak (1,423 pegangan pertanian), Ranau, Sabah (1,416 pegangan pertanian) dan Batang Padang, Perak (1,339 pegangan pertanian).

10.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam durian di Malaysia adalah 94,800.8 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam durian terbesar dengan 24,144.0 hektar. Ini diikuti dengan Pahang (17,785.1 hektar), Sarawak (11,181.6 hektar), Sabah (8,261.4 hektar) dan Kelantan (8,020.7 hektar). Di peringkat daerah, Raub, Pahang mencatatkan keluasan bertanam durian terbesar iaitu 13,570.2 hektar. Ini diikuti dengan Segamat, Johor (8,533.0 hektar), Tangkak (3,998.9 hektar), Jeli, Kelantan (3,917.0 hektar) dan Batu Pahat, Johor (3,542.0 hektar).

10.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai durian di Malaysia adalah 81,828.9 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai durian terbesar dengan 23,062.0 hektar. Ini diikuti dengan Pahang (14,942.9 hektar), Kelantan (7,215.6 hektar), Sabah (7,187.8 hektar) dan Perak (5,149.1 hektar). Di peringkat daerah, Raub, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar seluas 11,147.1 hektar. Ini diikuti dengan Segamat, Johor (8,004.3 hektar), Tangkak, Johor (3,779.3 hektar), Jeli, Kelantan (3,567.6 hektar) dan Batu Pahat, Johor (3,486.1 hektar).

10.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran durian di Malaysia adalah 793,683.2 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti pengeluaran durian tertinggi dengan 295,613.3 tan metrik. Ini diikuti oleh Pahang (146,718.1 tan metrik), Kelantan (72,306.8 tan metrik), Perak (59,217.3 tan metrik) dan Kedah (41,071.7 tan metrik). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 77.5 peratus kepada jumlah kuantiti pengeluaran durian di Malaysia. Di peringkat daerah, Raub, Pahang merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran durian tertinggi dengan 119,830.0 tan metrik. Ini diikuti dengan Tangkak, Johor (73,954.0 tan metrik), Batu Pahat, Johor (61,723.3 tan metrik), Muar, Johor (47,028.6 tan metrik) dan Kluang, Johor (41,111.6 tan metrik).

10.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan durian di Malaysia adalah 617,408.4 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan durian tertinggi dengan 178,243.4 tan metrik. Ini diikuti oleh, Pahang (142,004.5 tan metrik), Kelantan (59,146.7 tan metrik), Perak (42,001.6 tan metrik) dan Kedah (36,254.2 tan metrik). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 74.1 peratus kepada jumlah kuantiti jualan durian di Malaysia. Di peringkat daerah, Raub, Pahang mencatatkan jumlah keseluruhan kuantiti jualan tertinggi dengan 116,562.6 tan metrik. Ini diikuti dengan Tangkak, Johor 39,935.5 tan metrik, Muar,

Johor (33,267.0 tan metrik), Batu Pahat, Johor (33,085.3 tan metrik) dan Segamat, Johor (25,976.4 tan metrik).

10.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan durian di Malaysia adalah RM 11,751.28 juta. Johor merekodkan nilai jualan durian yang tertinggi dengan RM4,397.35 juta. Ini diikuti dengan Pahang (RM2,423.88 juta), Kelantan (RM1,184.76 juta), Kedah (RM845.86 juta) dan Negeri Sembilan (RM604.80 juta). Bagi daerah, Raub, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM2,047.35 juta. Ini diikuti dengan Tangkak, Johor (RM992.07 juta), Muar, Johor (RM825.14 juta), Batu Pahat, Johor (RM797.20 juta) dan Segamat, Johor (RM647.05 juta).

10.1.7 Purata Harga

Purata harga durian pada tahun 2023 adalah RM19.03/kg. Manakala, harga jualan durian bagi pegangan pertanian individu ialah RM 18.35/kg dan purata harga durian bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM 20.08/kg. Pulau Pinang mencatatkan purata harga tertinggi iaitu RM26.20/kg. Ini diikuti dengan Johor (RM24.67/kg), Kedah (RM23.33/kg), Kelantan (RM20.03/kg) dan Selangor (RM19.44/kg).


10.1.8 Produktiviti

Produktiviti tanaman durian direkodkan 9.7 tan metrik/hektar. Produktiviti durian yang direkodkan bagi pegangan pertanian individu di Malaysia ialah 9.4 tan metrik/hektar manakala produktiviti yang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan 10.4 tan metrik/hektar. Perlis merekodkan produktiviti durian tertinggi 22.0 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Johor (12.8 tan metrik/hektar), Pulau Pinang dan Perak (11.5 tan metrik/hektar) serta W.P. Labuan (10.1 tan metrik/hektar).

11.0 TANAMAN PISANG

Pisang merupakan salah satu buah tropika utama yang mendapat tempat dalam kalangan pengusaha dan pengguna di Malaysia. Pada tahun 2022, tanaman ini menyumbang 24.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pengeluaran buah-buahan negara, sekali gus menjadikannya antara komoditi buah-buahan terpenting dalam sektor pertanian negara. Dengan pelbagai varieti tempatan seperti Pisang Berangan, Pisang Mas, Pisang Rastali, Pisang Tanduk dan Pisang Nangka. Pisang bukan sahaja menjadi sebahagian daripada warisan makanan tempatan, malah turut menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023, Malaysia telah mengeksport 24,470.0 tan metrik pisang berbanding 17,110 tan metrik yang direkodkan pada tahun 2022. Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi pisang meningkat kepada 10.0 kg/tahun pada tahun 2023 berbanding 9.6 kg/tahun pada tahun sebelumnya.


Carta 3: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC) Pisang, Malaysia, 2022-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi pisang adalah 96.9 peratus (2022: 99.3 %) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula direkodkan 10.0 peratus, meningkat berbanding 5.9 peratus pada 2022.

**Carta 4: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR)
Pisang, Malaysia, 2022-2023**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

11.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN PISANG

Jumlah pegangan pertanian pisang yang direkodkan adalah 26,215 pegangan pertanian merangkumi 25,815 pegangan pertanian individu dan 400 pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman pisang merekodkan 35,305.6 hektar keluasan bertanam dengan keluasan bertuai seluas 25,778.9 hektar. Kuantiti pengeluaran pisang adalah berjumlah 397,256.1 tan metrik manakala kuantiti jualan pisang direkodkan pada 311,916.8 tan metrik. Nilai jualan pisang yang direkodkan adalah RM699.54 juta dengan purata harga RM2.24/kg. Produktiviti bagi tanaman pisang adalah 15.4 tan metrik/hektar.

Paparan 26: Parameter Utama Tanaman Pisang, Malaysia, 2023



11.1.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian pisang terdiri daripada 26,215 pegangan pertanian individu (98.5%) dan 400 pegangan pertanian pertubuhan. Lima negeri dengan bilangan pengusaha pisang tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Terengganu (6,699 pegangan pertanian), Sabah (4,564 pegangan pertanian), Johor (4,260 pegangan pertanian), Perak (3,088 pegangan pertanian) dan Sarawak (2,938 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 82.2 peratus kepada jumlah pengusaha pisang di Malaysia. Di peringkat daerah,

Kuala Terengganu, Terengganu mencatatkan bilangan pegangan pertanian pisang tertinggi iaitu 1,441 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Kuala Nerus, Terengganu (1,397 pegangan pertanian), Muar, Johor (1,169 pegangan pertanian), Dungun, Terengganu (1,050 pegangan pertanian) dan Marang, Terengganu (1,039 pegangan pertanian).

11.2.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam pisang di Malaysia adalah 35,305.6 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam pisang terbesar dengan 7,513.7 hektar. Ini diikuti dengan Sabah (6,554.6 hektar), Sarawak (5,207.3 hektar), Kelantan (3,812.0 hektar) dan Pahang (3,681.5 hektar). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan keluasan bertanam terbesar iaitu 3,155.9 hektar. Ini diikuti dengan Tenom, Sabah (2,378.8 hektar), Pontian, Johor (1,692.1 hektar), Kuala Krai, Kelantan (1,134.3 hektar) dan Tanah Merah, Kelantan (1,004.4 hektar).

11.2.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai pisang di Malaysia adalah seluas 25,778.9 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 5,430.8 hektar. Ini diikuti dengan Sabah (3,607.9 hektar), Pahang (3,550.9 hektar), Kelantan (3,386.1 hektar) dan Perak (2,361.6 hektar). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu 2,336.9 hektar. Ini diikuti dengan Kuala Krai, Kelantan (1,069.3 hektar), Pontian, Johor (977.5 hektar), Segamat, Johor (853.6 hektar) dan Perak Tengah, Perak (827.5 hektar).

11.2.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran pisang di Malaysia adalah 397,256.1 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti pengeluaran pisang terbesar iaitu 114,503.1 tan metrik. Ini diikuti dengan Sabah (57,714.9 tan metrik), Pahang (47,267.7 tan metrik), Kelantan (46,971.0 tan metrik) dan Perak (45,664.7 tan metrik). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran pisang tertinggi iaitu 51,410.9 tan metrik. Ini diikuti dengan Pontian, Johor (16,331.1 tan metrik), Tangkak, Johor (15,883.2 tan metrik), Segamat, Johor (14,882.3 tan metrik) dan Perak Tengah, Perak (13,417.3 tan metrik).

11.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan pisang di Malaysia adalah 311,916.8 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan pisang tertinggi iaitu 80,542.4 tan metrik. Ini diikuti oleh Sabah (46,484.0 tan metrik), Pahang (40,135.3 tan metrik), Perak (37,695.3 tan metrik) dan Kelantan (37,056.9 tan metrik). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 35,853.3 tan metrik. Ini diikuti Kuala Krai, Kelantan (12,916.7 tan metrik), Pontian, Johor (12,800.0 tan metrik), Segamat, Johor (12,724.5 tan metrik) dan Perak Tengah, Perak (12,371.3 tan metrik).

11.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan pisang di Malaysia adalah RM699.54 juta. Johor merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM171.54 juta. Ini diikuti dengan Perak (RM107.67 juta), Sabah (RM92.97 juta), Pahang (RM80.73 juta) dan Kelantan (RM80.38 juta). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan nilai jualan pisang tertinggi iaitu RM77.52 juta. Ini diikuti dengan Perak Tengah, Perak (RM35.11 juta), Segamat, Johor (RM27.35 juta), Larut dan Matang, Perak (RM25.85 juta) dan Pontian, Johor (RM25.84 juta).

11.1.7 Purata Harga

Purata harga pisang pada tahun 2023 adalah RM2.24/kg. Manakala, purata harga pisang bagi pegangan pertanian individu ialah RM2.18/kg dan purata harga pisang bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM2.49/kg. Pulau Pinang mencatatkan purata harga pisang tertinggi iaitu RM3.27/kg. Ini diikuti Selangor RM3.00/kg, Kedah RM2.88/kg, Perak RM2.86/kg dan Perlis RM2.42/kg.

11.1.8 Produktiviti


Produktiviti tanaman pisang direkodkan pada 15.4 tan metrik/hektar. Produktiviti tanaman pisang bagi pegangan pertanian individu ialah 15.0 tan metrik/hektar dan pegangan pertanian pertubuhan pula 18.0 tan metrik/hektar. Negeri Sembilan merekodkan produktiviti tertinggi iaitu 21.5 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Johor (21.1 tan metrik/hektar), Selangor (20.0 tan metrik/hektar), Perak (19.3 tan metrik/hektar) dan Perlis (19.0 tan metrik/hektar).

12.0 TANAMAN TEMBIKAI

Tembikai terdiri daripada tiga jenis iaitu tembikai, tembikai susu dan *rock melon*. Tembikai adalah sejenis tanaman menjalar di atas tanah. Batangnya berbulu dan mempunyai sulur paut untuk memanjat. Daunnya bujur dengan pecahan cuping yang dalam. Bentuk buah tembikai berjulat daripada bulat hingga bulat yang membujur. Warna kulitnya dari hijau muda hingga hijau tua dengan atau tanpa jalur. Isinya boleh jadi merah tua, merah atau kuning. Selain itu, varieti tembikai yg terdiri daripada tembikai susu (*Honey dew*) juga dikenali sebagai tembikai wangi. Kategori utama bagi kumpulan ini adalah *Rock Melon* (kulit berjejaring). Tanamannya seakan-akan tembikai tetapi buahnya kecil dan permukaan kulitnya licin. Kulit berwarna putih-putih kehijauan, isi berwarna kehijauan oren dan baunya harum.

Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023, Malaysia telah mengeksport 44,078.5 tan metrik tembikai, 8.2 peratus lebih tinggi berbanding kuantiti yang dieksport pada tahun 2022 (40,721.1 tan metrik). Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi tembikai pada 2022 dan 2023 adalah 3.0 kg/tahun.


Carta 5: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC) Tembikai, Malaysia, 2022-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi tembikai adalah 131.4 peratus (2022:131.9 %) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula direkodkan 10.3 peratus, meningkat berbanding 7.7 peratus pada 2022.

Carta 6: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR)
Tembikai, Malaysia, 2022-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

12.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN TEMBIKAI

Jumlah pegangan pertanian tembikai yang direkodkan adalah 2,346 pegangan pertanian merangkumi 2,148 pegangan pertanian individu dan 198 pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman tembikai merekodkan 9,504.4 hektar keluasan bertanam dengan keluasan bertuai seluas 9,257.3 hektar. Kuantiti pengeluaran tembikai adalah berjumlah 174,218.9 tan metrik manakala kuantiti jualan direkodkan pada 169,486.3 tan metrik. Nilai jualan tembikai yang direkodkan adalah RM412.83 juta dengan purata harga RM2.44/kg. Produktiviti bagi tanaman tembikai adalah 18.8 tan metrik/hektar.

Paparan 27: Parameter Utama Tanaman Tembikai, Malaysia, 2023



12.1.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian tembikai terdiri daripada 2,148 pegangan pertanian individu (91.6%) dan 198 pegangan pertanian pertubuhan. Lima negeri dengan bilangan pengusaha tembikai tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Kelantan (859 pegangan pertanian), Terengganu (632 pegangan pertanian), Sarawak (395 pegangan pertanian), Johor (98 pegangan pertanian) dan Sabah

(94 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 88.6 peratus kepada jumlah pengusaha tembikai di Malaysia. Di peringkat daerah, Bachok, Kelantan mencatatkan bilangan pegangan pertanian tembikai tertinggi iaitu 439 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Setiu, Terengganu (225 pegangan pertanian), Pasir Puteh, Kelantan dan Kuala Nerus, Terengganu (156 pegangan pertanian) serta Besut, Terengganu (96 pegangan pertanian).

12.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam tembikai di Malaysia adalah 9,504.4 hektar. Kelantan merekodkan keluasan bertanam tembikai terbesar dengan 2,634.3 hektar. Ini diikuti dengan Johor (1,089.1 hektar), Pahang (1,013.1 hektar), Terengganu (1,000.3 hektar) dan Perak (872.9 hektar). Di peringkat daerah, Bachok, Kelantan mencatatkan keluasan bertanam terbesar iaitu 922.4 hektar. Ini diikuti Hulu Perak, Perak (577.6 hektar), Alor Gajah, Melaka (574.5 hektar), Rompin, Pahang (538.4 hektar) dan Kota Tinggi, Johor (469.1 hektar).

12.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai tembikai di Malaysia adalah seluas 9,257.3 hektar. Kelantan merekodkan keluasan bertuai tembikai terbesar dengan 2,488.1 hektar. Ini diikuti dengan Johor (1,089.0 hektar), Pahang (999.0 hektar), Terengganu (983.7 hektar) dan Perak (870.8 hektar). Di peringkat daerah, Bachok, Kelantan mencatatkan keluasan bertuai pisang terbesar iaitu 907.4 hektar. Ini diikuti Hulu Perak, Perak (577.5 hektar), Alor Gajah, Melaka (573.9 hektar), Rompin, Pahang (532.8 hektar) dan Kota Tinggi, Johor (469.1 hektar).

12.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran tembikai di Malaysia adalah 174,218.9 tan metrik. Kelantan merekodkan kuantiti pengeluaran tembikai terbesar iaitu 57,977.2 tan metrik. Ini diikuti Pahang (20,525.2 tan metrik), Johor (20,324.6 tan metrik), Melaka (18,036.9 tan metrik) dan Terengganu (17,996.9 tan metrik). Di peringkat daerah, Bachok, Kelantan mencatatkan kuantiti pengeluaran terbesar iaitu 30,522.3 tan metrik. Ini diikuti dengan Alor Gajah, Melaka (16,630.8 tan metrik), Rompin, Pahang (11,298.1 tan metrik), Pasir Puteh, Kelantan (9,709.5 tan metrik) dan Setiu, Terengganu (8,356.5 tan metrik).

12.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan tembikai di Malaysia adalah 169,486.3 tan metrik. Kelantan merekodkan kuantiti jualan tembikai tertinggi iaitu 55,887.2 tan metrik. Ini diikuti dengan Johor (20,286.5 tan metrik), Pahang (19,928.4 tan metrik), Melaka (18,033.9 tan metrik) dan Terengganu (17,756.9 tan metrik). Di peringkat daerah, Bachok, Kelantan mencatatkan kuantiti jualan tembikai tertinggi iaitu 29,281.3 tan metrik. Ini diikuti dengan Alor Gajah, Melaka (16,630.5 tan metrik),

Rompin, Pahang (11,298.1 tan metrik), Pasir Puteh, Kelantan (9,308.9 tan metrik) dan Setiu, Terengganu (8,233.3 tan metrik).

12.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan tembikai di Malaysia adalah RM412.83 juta. Kelantan merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM118.81 juta. Ini diikuti dengan Johor (RM53.75 juta), Pahang (RM51.98 juta), Melaka (RM42.94 juta) dan Terengganu (RM35.23 juta). Di peringkat daerah, Bachok, Kelantan mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM58.86 juta. Ini diikuti dengan Alor Gajah, Melaka (RM38.44 juta), Rompin, Pahang (RM26.21 juta), Pasir Puteh, Kelantan (RM19.13 juta) dan Tangkak, Johor (RM18.41).

12.1.7 Purata Harga

Purata harga tembikai pada tahun 2023 adalah RM2.44/kg. Manakala, purata harga tembikai bagi pegangan pertanian individu ialah RM2.29/kg dan purata harga tembikai bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM2.63/kg. Selangor mencatatkan purata harga tembikai tertinggi iaitu RM6.51/kg. Ini diikuti dengan W.P. Kuala Lumpur RM6.20/kg, W.P. Putrajaya RM3.86/kg, W.P. Labuan RM3.09/kg dan Pulau Pinang RM2.96/kg.


12.1.8 Produktiviti

Produktiviti tanaman tembikai direkodkan pada 18.8 tan metrik/hektar. Produktiviti tembikai bagi pegangan pertanian individu ialah 18.3 tan metrik/hektar dan pegangan pertanian pertubuhan pula 19.6 tan metrik/hektar. Melaka merekodkan produktiviti tanaman tembikai tertinggi iaitu 27.9 tan metrik/hektar. Ini diikuti W.P. Labuan (27.7 tan metrik/hektar), Kelantan (23.3 tan metrik/hektar), Negeri Sembilan (22.0 tan metrik/hektar) dan Pahang (20.5 tan metrik/hektar).

13.0 TANAMAN BETIK

Betik atau nama saintifiknya *Carica papaya Linn* adalah sejenis tanaman tropika yang berasal dari benua Amerika dan kini merupakan antara buah-buahan yang ditanam secara meluas di Malaysia. Betik mempunyai nilai pemakanan yang tinggi dan mempunyai pelbagai kegunaan dalam masakan serta perubatan tradisional. Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023, Malaysia telah mengeksport 14,272.1 tan metrik betik pada tahun 2023, lebih rendah berbanding 16,766.9 tan metrik yang direkodkan pada tahun 2022. Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi betik meningkat kepada 1.2 kg/tahun pada tahun 2023 berbanding 1.1 kg/tahun pada tahun sebelumnya.


Carta 7: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC), Betik, Malaysia, 2022-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi betik adalah 131.8 peratus (2022: 142.3%) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula adalah 2.5 peratus, meningkat berbanding 1.3 peratus pada 2022.

Carta 8: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Betik, Malaysia, 2022-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

13.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN BETIK

Jumlah pegangan pertanian betik yang direkodkan adalah 2,726 pegangan pertanian merangkumi 2,586 pegangan pertanian individu dan 140 pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman betik merekodkan 3,066.0 hektar keluasan bertanam dengan keluasan bertuai seluas 2,789.4 hektar. Kuantiti pengeluaran betik adalah berjumlah 76,817.8 tan metrik manakala kuantiti jualan betik direkodkan pada 59,177.3 tan metrik. Nilai jualan betik yang direkodkan adalah RM134.20 juta dengan purata harga RM2.27/kg. Produktiviti bagi tanaman betik adalah 27.5 tan metrik/hektar.

Paparan 28: Parameter Utama Tanaman Betik, Malaysia, 2023



13.1.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian betik terdiri daripada 2,586 pegangan pertanian individu (94.9%) dan 140 pegangan pertanian pertubuhan. Lima negeri dengan bilangan pengusaha betik tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Johor (889 pegangan pertanian), Terengganu (654 pegangan pertanian), Sabah (514 pegangan pertanian), Perak (299 pegangan pertanian) dan Sarawak (72 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 89.1 peratus kepada jumlah pengusaha betik di Malaysia. Di peringkat daerah, Tawau, Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian betik tertinggi iaitu 264 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Kulai, Johor (247 pegangan pertanian), Kuala Nerus, Terengganu (202 pegangan pertanian), Muar, Johor (154 pegangan pertanian) dan Kuala Terengganu, Terengganu (150 pegangan pertanian).

13.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam betik di Malaysia adalah 3,066.0 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam betik terbesar dengan 1,422.3 hektar. Ini diikuti dengan Sabah (649.9 hektar), Pahang (167.4 hektar), Perak (159.3 hektar) dan Melaka (120.5 hektar). Di peringkat daerah, Batu Pahat mencatatkan keluasan bertanam terbesar iaitu 563.4 hektar. Ini diikuti dengan Tawau, Sabah (243.1 hektar), Kulai, Johor (185.4 hektar), Tenom, Sabah (149.7 hektar) dan Muar, Johor (143.2 hektar).

13.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai betik di Malaysia adalah seluas 2,789.4 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai betik terbesar dengan 1,326.7 hektar. Ini diikuti dengan Sabah (535.3 hektar), Pahang (167.4 hektar), Perak (158.2 hektar) dan Melaka (114.1 hektar). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan keluasan bertuai betik terbesar iaitu 547.4 hektar. Ini diikuti dengan Tawau, Sabah (237.6 hektar), Kulai, Johor (184.3 hektar), Muar, Johor (141.2 hektar) dan Segamat, Johor (111.1 hektar).

13.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran betik di Malaysia adalah 76,817.8 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti pengeluaran betik terbesar iaitu 45,487.5 tan metrik. Ini diikuti Sabah (10,942.8 tan metrik), Pahang (4,433.1 tan metrik), Kedah (2,896.4 tan metrik) dan Kelantan (2,837.8 tan metrik). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran betik terbesar iaitu 22,373.5 tan metrik. Ini diikuti Muar, Johor (5,723.0 tan metrik), Tawau, Sabah (4,959.3 tan metrik), Kluang, Johor (3,755.8 tan metrik) dan Segamat, Johor (3,073.8 tan metrik).

13.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan betik di Malaysia adalah 59,177.3 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan betik tertinggi iaitu 34,880.0 tan metrik. Ini diikuti dengan Sabah (8,224.5 tan metrik), Pahang (4,091.1 tan metrik), Perak (2,277.2 tan metrik) dan Selangor (1,965.3 tan metrik). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan kuantiti jualan betik tertinggi iaitu 20,906.6 tan metrik. Ini diikuti dengan Tawau, Sabah (3,803.4 tan metrik), Muar, Johor (2,534.1 tan metrik), Kulai, Johor (2,435.4 tan metrik) dan Kluang, Johor (2,110.8 tan metrik).

13.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan betik di Malaysia adalah RM134.20 juta. Johor merekodkan nilai jualan betik tertinggi iaitu RM76.91 juta. Ini diikuti dengan Sabah (RM19.90 juta), Pahang (RM9.06 juta), Perak (RM5.34 juta) dan Selangor (RM4.38 juta). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan nilai jualan betik tertinggi iaitu RM46.26 juta. Ini diikuti dengan Tawau, Sabah (RM9.20 juta), Muar, Johor (RM5.56 juta), Kulai, Johor (RM5.33 juta) dan Kluang, Johor (RM4.65).

13.1.7 Purata Harga

Purata harga betik pada tahun 2023 adalah RM2.27/kg. Manakala, purata harga betik bagi pegangan pertanian individu ialah RM2.28/kg dan purata harga pisang bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM2.25/kg. Pulau Pinang mencatatkan purata harga betik tertinggi iaitu RM4.47/kg. Ini diikuti dengan Negeri Sembilan (RM2.61/kg), Sabah (RM2.42/kg), Perak (RM2.35/kg) serta Terengganu, Selangor, Kelantan, W.P. Labuan dan W.P. Kuala Lumpur (RM2.23/kg).


13.1.8 Produktiviti

Produktiviti tanaman betik direkodkan pada 27.5 tan metrik/hektar. Produktiviti tanaman betik bagi pegangan pertanian individu ialah 24.9 tan metrik/hektar dan pegangan pertanian pertubuhan pula 32.1 tan metrik/hektar. Selangor merekodkan produktiviti tanaman betik tertinggi iaitu 35.4 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Johor (34.3 tan metrik/hektar), Negeri Sembilan (33.8 tan metrik/hektar), Kelantan (32.5 tan metrik/hektar) dan Kedah (30.2 tan metrik/hektar).

14.0 TANAMAN RAMBUTAN

Rambutan merupakan sejenis buah tropika daripada keluarga *Sapindaceae* dan ditanam secara meluas di Malaysia serta beberapa negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Selatan Thailand dan Selatan Filipina. Terdapat tiga varieti rambutan yang popular di Malaysia iaitu Muar Gading (R156), Anak Sekolah (R191) dan Deli Baling (R193) dan menjadi pilihan utama pengusaha kerana kualiti buah yang baik dan hasil pengeluaran yang tinggi. Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023, eksport rambutan Malaysia mencatat peningkatan yang ketara pada tahun 2023 dengan jumlah eksport sebanyak 1,806.2 tan metrik berbanding 945.1 tan metrik pada tahun 2022. Penggunaan Per Kapita (PCC) rambutan adalah 1.4 kg/tahun pada tahun 2023, sedikit rendah berbanding 1.5 kg/tahun pada tahun sebelumnya.


Carta 9: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC), Rambutan, Malaysia 2022-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi rambutan adalah 100.0 peratus (2022: 96.6%) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula direkodkan pada kadar 3.4 peratus, menurun berbanding 5.2 peratus pada 2022.

**Carta 10: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR),
Rambutan, Malaysia, 2022-2023**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

14.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN RAMBUTAN

Jumlah pegangan pertanian rambutan yang direkodkan adalah 12,563 pegangan pertanian merangkumi 12,475 pegangan pertanian individu dan 88 pegangan pertanian pertubuhan. Tanaman rambutan merekodkan 15,976.9 hektar keluasan bertanam dengan keluasan bertuai seluas 11,567.0 hektar. Kuantiti pengeluaran rambutan adalah berjumlah 74,496.2 tan metrik manakala kuantiti jualan rambutan direkodkan pada 57,660.7 tan metrik. Nilai jualan rambutan yang direkodkan adalah RM205.54 juta dengan purata harga RM3.56/kg. Produktiviti bagi tanaman rambutan adalah 6.4 tan metrik/hektar.

Paparan 29: Parameter Utama Tanaman Rambutan, Malaysia, 2023



14.1.1 Pegangan Pertanian

Pegangan pertanian rambutan terdiri daripada 12,475 pegangan pertanian individu (99.3%) dan 88 pegangan pertanian pertubuhan. Lima negeri dengan bilangan pengusaha rambutan tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Sabah (2,709 pegangan pertanian), Terengganu (2,665 pegangan pertanian), Sarawak (2,503 pegangan pertanian), Perak (1,100 pegangan pertanian) dan Johor (1,070 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada

80.0 peratus kepada jumlah pengusaha rambutan di Malaysia. Di peringkat daerah, Kuala Terengganu, Terengganu mencatatkan bilangan pegangan pertanian rambutan tertinggi iaitu 561 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Sipitang, Sabah (480 pegangan pertanian), Kanowit, Sarawak (470 pegangan pertanian), Marang, Terengganu (462 pegangan pertanian) dan Tuaran, Sabah (430 pegangan pertanian).

14.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam rambutan di Malaysia adalah 15,976.9 hektar. Sarawak merekodkan keluasan bertanam rambutan terbesar dengan 6,853.8 hektar. Ini diikuti dengan Kedah 1,662.8 hektar, Terengganu 1,352.3 hektar, Sabah 1,269.7 hektar dan Johor 973.7 hektar. Di peringkat daerah, Kanowit, Sarawak mencatatkan keluasan bertanam rambutan terbesar iaitu 1,166.9 hektar. Ini diikuti dengan Limbang, Sarawak (712.4 hektar), Subis, Sarawak (637.5 hektar), Lawas, Sarawak (583.0 hektar) dan Sibu, Sarawak (525.5 hektar).

14.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai rambutan di Malaysia adalah seluas 11,567.0 hektar. Sarawak merekodkan keluasan bertuai rambutan terbesar dengan 2,996.1 hektar. Ini diikuti dengan Kedah (1,590.7 hektar), Terengganu (1,300.3 hektar), Sabah (1,196.6 hektar) dan Johor (924.0 hektar). Di peringkat daerah, Kanowit, Sarawak mencatatkan keluasan bertuai rambutan terbesar iaitu 506.8 hektar, Sik, Kedah (439.5 hektar), Hulu Terengganu (359.0 hektar), Jeli, Kelantan (306.7 hektar) dan Limbang, Sarawak (303.0 hektar).

14.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran rambutan di Malaysia adalah 74,496.2 tan metrik. Kedah merekodkan kuantiti pengeluaran rambutan terbesar iaitu 11,891.5 tan metrik. Ini diikuti dengan Sarawak (11,676.6 tan metrik), Kelantan (8,265.7 tan metrik), Johor (8,213.8 tan metrik) dan Sabah (8,136.0 tan metrik). Di peringkat daerah, Sik, Kedah mencatatkan kuantiti pengeluaran rambutan terbesar iaitu 3,371.0 tan metrik. Ini diikuti dengan Jeli, Kelantan (3,067.0 tan metrik), Batu Pahat, Johor (2,921.8 tan metrik), Kanowit, Sarawak (2,116.8 tan metrik) dan Ranau, Sabah (1,917.8 tan metrik).

14.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan rambutan di Malaysia adalah 57,660.7 tan metrik. Sarawak merekodkan kuantiti jualan rambutan tertinggi iaitu 10,640.7 tan metrik. Ini diikuti dengan Kedah (9,520.9 tan metrik), Terengganu (6,525.3 tan metrik), Sabah (6,417.5 tan metrik) dan Johor (5,417.6 tan metrik). Di peringkat daerah, Sik, Kedah mencatatkan kuantiti jualan rambutan tertinggi iaitu 2,787.6 tan metrik. Ini diikuti dengan Kanowit, Sarawak (2,089.7 tan metrik), Jeli, Kelantan

(1,757.0 tan metrik), Batu Pahat, Johor (1,753.1 tan metrik) dan Ranau, Sabah (1,559.2 tan metrik).

14.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan rambutan di Malaysia adalah RM205.54 juta. Sarawak merekodkan nilai jualan rambutan tertinggi iaitu RM48.04 juta. Ini diikuti dengan Kedah (RM33.46 juta), Sabah (RM21.56 juta), Terengganu (RM21.53 juta) dan Johor (RM16.85 juta). Di peringkat daerah, Sik, Kedah mencatatkan nilai jualan rambutan tertinggi iaitu RM9.90 juta. Ini diikuti dengan Kanowit, Sarawak (RM9.43 juta), Limbang, Sarawak (RM5.87 juta), Jeli, Kelantan (RM5.80 juta) dan Batu Pahat, Johor (RM5.45 juta).

14.1.7 Purata Harga

Purata harga rambutan pada tahun 2023 adalah RM3.56/kg. Manakala, purata harga rambutan bagi pegangan pertanian individu ialah RM3.57/kg dan purata harga rambutan bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM3.38/kg. Pulau Pinang mencatatkan purata harga rambutan tertinggi iaitu RM4.68/kg. Ini diikuti dengan Sarawak RM4.51/kg, Kedah RM3.51/kg, Sabah RM3.36/kg serta Terengganu, Kelantan, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor dan W.P. Labuan RM3.30/kg.


14.1.8 Produktiviti

Produktiviti tanaman rambutan direkodkan pada 6.4 tan metrik/hektar. Produktiviti tanaman rambutan bagi pegangan pertanian individu ialah 6.4 tan metrik/hektar dan pegangan pertanian pertubuhan pula 6.9 tan metrik/hektar. Perlis merekodkan produktiviti tanaman rambutan tertinggi iaitu 12.0 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Kelantan (9.7 tan metrik/hektar), Johor dan Perak (8.9 tan metrik/hektar), Pulau Pinang (8.3 tan metrik/hektar) dan Negeri Sembilan (7.8 tan metrik/hektar).

15.0 TANAMAN JAMBU BATU

Jambu batu (*Psidium guajava*) berasal dari Amerika Selatan dan telah tersebar ke Asia Tenggara sejak abad ke-16. Di Malaysia, penanaman secara komersial bermula pada akhir 1970an dengan pengenalan varieti baharu yang bermutu tinggi. Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023 Malaysia telah mengeksport 4,245.3 tan metrik jambu batu, 11.8 peratus lebih tinggi berbanding kuantiti yang dieksport pada tahun 2022 (3,798.2 tan metrik). Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi jambu batu meningkat kepada 1.2 kg/tahun pada tahun 2023 berbanding 1.0 kg/tahun pada tahun sebelumnya.


Carta 11: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC), Jambu Batu, Malaysia, 2022-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi jambu batu adalah 101.8 peratus (2022: 98%) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula direkodkan 7.9 peratus, berkurang berbanding 13.1 peratus pada 2022.

Carta 12: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR)
Jambu Batu, Malaysia, 2022-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

15.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN JAMBU BATU

Sejumlah 1,547 pegangan pertanian terlibat dalam penanaman jambu batu yang terdiri daripada 1,373 pegangan pertanian individu dan 174 pegangan pertanian pertubuhan. Jambu batu merekodkan jumlah keluasan bertanam dengan 3,181.5 hektar dengan keluasan bertuai 2,869.1 hektar. Tanaman jambu batu merekodkan kuantiti pengeluaran 60,454.6 tan metrik. Kuantiti jualan jambu batu adalah sejumlah 54,078.3 tan metrik dan nilai jualan yang RM 169.29 juta. Purata harga jambu batu adalah RM3.13, manakala produktiviti bagi tanaman jambu batu adalah 21.1 tan metrik/hektar.

Paparan 30: Parameter Utama Tanaman Jambu Batu, Malaysia, 2023



15.1.1 Pegangan Pertanian

Sejumlah 1,373 pegangan pertanian individu (88.8%) terlibat dalam penanaman jambu batu manakala, pegangan pertanian pertubuhan adalah 174. Lima negeri dengan bilangan pegangan pertanian jambu batu tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Johor (484 pegangan pertanian), Perak (285 pegangan pertanian), Sabah (189 pegangan pertanian), Sarawak (150 pegangan pertanian) dan Terengganu (142 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada

80.8 peratus kepada jumlah pegangan pertanian jambu batu di Malaysia. Di peringkat daerah, Muar, Johor mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi (205 pegangan pertanian). Ini diikuti dengan Batang Padang, Perak (88 pegangan pertanian), Tangkak, Johor (71 pegangan pertanian), Kluang, Johor (58 pegangan pertanian) dan Melaka Tengah, Melaka (57 pegangan pertanian).

15.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam jambu batu di Malaysia adalah seluas 3,181.5 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam jambu batu terbesar 1,209.6 hektar. Ini diikuti dengan Perak (559.3 hektar), Sabah (455.3 hektar), Selangor (313.9 hektar) dan Sarawak (165.7 hektar). Di peringkat daerah, Tangkak, Johor mencatatkan keluasan bertanam jambu batu terbesar seluas 454.3 hektar. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (374.1 hektar), Batang Padang, Perak (236.5 hektar), Tenom, Sabah (194.0 hektar) dan Sabak Bernam, Selangor (173.1 hektar).

15.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai jambu batu di Malaysia adalah seluas 2,869.1 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai jambu batu terbesar 1,135.9 hektar. Ini diikuti dengan Perak (551.6 hektar), Selangor (307.9 hektar), Sabah (290.2 hektar) dan Melaka (133.6 hektar). Di peringkat daerah, Tangkak, Johor mencatatkan keluasan bertuai seluas 442.7 hektar. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (324.3 hektar), Batang Padang, Perak (234.5 hektar), Sabak Bernam, Selangor (169.9 hektar) dan Larut dan Matang, Perak (164.7 hektar).

15.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran jambu batu di Malaysia adalah 60,454.6 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti pengeluaran jambu batu tertinggi dengan 31,628.3 tan metrik. Ini diikuti oleh Perak (14,246.5 tan metrik), Sabah (3,737.6 tan metrik), Selangor (3,218.7 tan metrik) dan Melaka (2,211.0 tan metrik). Di peringkat daerah, Tangkak, Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 12,985.1 tan metrik. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (9,727.7 tan metrik), Batang Padang, Perak (5,045.4 tan metrik), Larut dan Matang, Perak (4,513.8 tan metrik) dan Kota Tinggi, Johor (2,518.4 tan metrik).

15.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan jambu batu di Malaysia adalah 54,078.3 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan jambu batu tertinggi dengan 27,386.4 tan metrik. Ini diikuti oleh Perak (13,316.7 tan metrik), Sabah (3,393.5 tan metrik), Selangor (3,209.8 tan metrik) dan Melaka (1,731.7 tan metrik). Bagi daerah, Tangkak, Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 11,526.6 tan metrik. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (8,854.1 tan metrik), Batang Padang (4,995.7 tan metrik),

Larut dan Matang, Perak (4,306.4 tan metrik) dan Kota Tinggi, Johor (2,350.1 tan metrik).

15.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan jambu batu di Malaysia adalah RM169.29 juta. Johor merekodkan nilai jualan jambu batu yang tertinggi dengan RM75.20 juta. Ini diikuti dengan Perak (RM47.40 juta), Sabah (RM12.40 juta), Selangor (RM11.17 juta) dan Pahang (RM5.99 juta). Di peringkat daerah, Tangkak, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM37.09 juta. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (RM20.81 juta), Batang Padang, Perak (RM17.78 juta), Larut dan Matang, Perak (RM15.33 juta) dan Kinta, Perak (RM6.14 juta).

15.1.7 Purata Harga

Purata harga jambu batu pada tahun 2023 adalah RM3.13/kg. Manakala, harga jualan jambu batu bagi pegangan pertanian individu ialah RM3.34/kg dan purata harga jambu batu bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM2.97/kg. Sabah dan Sarawak mencatatkan purata harga tertinggi iaitu RM3.66/kg. Ini diikuti dengan Perak (RM3.56/kg), Negeri Sembilan (RM3.50/kg), Selangor, Pahang, Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Terengganu, Perlis dan W.P. Labuan (RM3.48/kg) serta Melaka (RM3.07/kg).


15.1.8 Produktiviti

Produktiviti jambu batu direkodkan 21.1 tan metrik/hektar. Produktiviti jambu batu yang direkodkan bagi pegangan pertanian individu di Malaysia ialah 18.1 tan metrik/hektar manakala produktiviti yang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan 25.0 tan metrik/hektar. Johor merekodkan produktiviti produktiviti jambu batu tertinggi 27.8 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Perak (25.8 tan metrik/hektar), W.P. Labuan (25.0 tan metrik/hektar), Negeri Sembilan (20.0 tan metrik/hektar) dan Melaka (16.5 tan metrik/hektar).

16.0 TANAMAN NANGKA

Nangka, atau nama saintifiknya, *Artocarpus heterophyllus*, banyak ditemui tumbuh di negara-negara tropika beriklim panas dan lembap seperti di Sri Lanka, benua Afrika dan negara-negara sekitar Asia Tenggara seperti Indonesia, Malaysia dan Thailand. Di bawah Dasar Pertanian Negara (1992-2010), ia dikenal pasti berpotensi untuk pembangunan pertanian. Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Terpilih, Malaysia 2019-2023, Malaysia telah mengeksport 6,087.6 tan metrik nangka, 19.7 peratus lebih rendah berbanding kuantiti yang dieksport pada tahun 2022 (7,576.7 tan metrik). Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi nangka* meningkat kepada 1.6 kg/tahun ada tahun 2023 berbanding 1.5kg/tahun pada tahun sebelumnya.

Carta 13: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC), Nangka*, Malaysia, 2022-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Termasuk cempedak

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi nangka* adalah 109.4 peratus (2022: 114.2%) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula direkodkan 1.7 peratus, meningkat berbanding 0.1 peratus pada 2022.

**Carta 14: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR)
Nangka*, Malaysia, 2022-2023**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

*Nota: Termasuk cempedak

16.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN NANGKA

Bilangan pegangan pertanian nangka yang direkodkan adalah 1,791 yang terdiri daripada 1,540 pegangan pertanian individu dan 251 pegangan pertanian pertubuhan. Jumlah keluasan bertanam nangka adalah 8,266.1 hektar manakala keluasan bertuai direkodkan 6,400.1 hektar. Kuantiti pengeluaran nangka adalah berjumlah 50,826.6 tan metrik dan kuantiti jualan nangka adalah 36,740.4 tan metrik. Nilai jualan nangka dicatatkan RM83.36 juta. Purata harga nangka yang direkodkan adalah RM2.27/kg, manakala produktiviti bagi tanaman nangka adalah 7.9 tan metrik/hektar.

Paparan 31: Parameter Utama Tanaman Nangka, Malaysia, 2023



16.1.1 Pegangan Pertanian

Sejumlah 1,540 pegangan pertanian individu (86.0%) terlibat dalam penanaman nangka manakala, bilangan pegangan pertanian pertubuhan adalah 251 pertubuhan. Lima negeri dengan bilangan pegangan pertanian nangka tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Sabah (289 pegangan pertanian), Terengganu (269 pegangan pertanian), Negeri Sembilan

(258 pegangan Pertanian), Pahang (228 pegangan pertanian) dan Sarawak (221 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 70.6 peratus kepada jumlah pegangan pertanian nangka di Malaysia. Di peringkat daerah, Temerloh, Pahang mencatatkan bilangan pegangan pertanian nangka tertinggi dengan 119 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Seremban, Negeri Sembilan (78 pegangan pertanian), Kuala Nerus, Terengganu (65 pegangan pertanian), Gombak, Selangor (64 pegangan pertanian) dan Tampin, Negeri Sembilan (62 pegangan pertanian).

16.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam nangka di Malaysia adalah seluas 8,266.1 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertanam nangka terbesar seluas 5,317.5 hektar. Ini diikuti dengan Negeri Sembilan (826.3 hektar), Johor (546.8 hektar), Selangor (367.8 hektar) dan Sarawak (301.6 hektar). Di peringkat daerah, Temerloh, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar seluas 1,691.5 hektar. Ini diikuti dengan Jerantut, Pahang (901.9 hektar), Pekan, Pahang (632.0 hektar), Rompin, Pahang (611.0 hektar) dan Raub, Pahang (604.6 hektar).

16.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai nangka di Malaysia adalah seluas 6,400.1 hektar. Pahang merekodkan keluasan bertuai terbesar seluas 3,581.9 hektar. Ini diikuti dengan Negeri Sembilan (816.9 hektar), Johor (536.3 hektar), Selangor (343.3 hektar) dan Sarawak (268.2 hektar). Di peringkat daerah, Temerloh, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar seluas 1,466.0 hektar. Ini diikuti dengan Jerantut, Pahang (898.2 hektar), Seremban, Negeri Sembilan (363.6 hektar), Rompin, Pahang (346.8 hektar) dan Lipis, Pahang (266.1 hektar).

16.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran nangka di Malaysia adalah 50,826.6 tan metrik. Negeri Sembilan merekodkan kuantiti pengeluaran nangka tertinggi berjumlah 14,711.6 tan metrik. Ini diikuti oleh Johor (14,198.0 tan metrik), Pahang (9,165.6 tan metrik), Selangor (3,419.4 tan metrik) dan Sabah (1,720.7 tan metrik). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 85.0 peratus kepada jumlah kuantiti pengeluaran nangka di Malaysia. Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor merekodkan kuantiti pengeluaran nangka tertinggi dengan 8,312.8 tan metrik. Ini diikuti dengan Seremban, Negeri Sembilan (7,272.2 tan metrik), Temerloh, Pahang (3,722.0 tan metrik), Kota Tinggi, Johor (3,372.8 tan metrik) dan Tampin, Negeri Sembilan (2,611.8 tan metrik).

16.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan nangka di Malaysia adalah 36,740.4 tan metrik. Johor merekodkan kuantiti jualan nangka tertinggi iaitu 12,243.6 tan metrik. Ini diikuti oleh Pahang (9,144.3 tan metrik), Negeri Sembilan (6,697.4 tan metrik), Selangor (2,789.9 tan metrik) dan Sarawak (1,398.2 tan metrik). Kelima-lima negeri ini meyumbang kepada 87.8 peratus kepada kuantiti jualan nangka di Malaysia. Bagi daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 7,566.4 tan metrik. Ini diikuti dengan Temerloh, Pahang (3,719.4 tan metrik), Seremban, Negeri Sembilan (3,036.4 tan metrik), Kota Tinggi, Johor (3,013.9 tan metrik) dan Gombak, Selangor (1,916.3 tan metrik).

16.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan nangka di Malaysia adalah berjumlah RM83.36 juta. Johor merekodkan nilai jualan tertinggi dengan RM26.70 juta. Ini diikuti dengan Pahang (RM20.35 juta), Negeri Sembilan (RM16.76 juta), Selangor (RM6.09 juta) dan Sarawak (RM3.05 juta). Bagi daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi RM16.49 juta. Ini diikuti dengan Seremban, Negeri Sembilan (RM8.70 juta), Temerloh, Pahang (RM8.11 juta), Kota Tinggi, Johor (RM6.57 juta) dan Gombak, Selangor (RM4.18 juta).

16.1.7 Purata Harga

Purata harga nangka pada tahun 2023 adalah RM2.27/kg. Manakala, harga jualan nangka bagi pegangan pertanian individu ialah RM2.23/kg dan purata harga nangka bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM2.29/kg. Perak mencatatkan purata harga nangka tertinggi iaitu RM2.93/kg. Ini diikuti dengan Negeri Sembilan (RM2.50/kg), Sabah (RM2.36/kg), Pahang (RM2.23/kg) dan Johor, Selangor, Sarawak, Kedah, Terengganu, Kelantan, Melaka, W.P. Labuan, Pulau Pinang, Perlis dan W.P. Kuala Lumpur (RM2.18/kg).

16.1.8 Produktiviti

Produktiviti tanaman nangka mencatatkan 7.9 tan metrik/hektar. Produktiviti nangka yang direkodkan bagi pegangan pertanian individu di Malaysia ialah 7.5 tan metrik/hektar manakala produktiviti yang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan 8.5 tan metrik/hektar. Johor merekodkan produktiviti tertinggi 26.5 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Perak (19.2 tan metrik/hektar), Negeri Sembilan (18.0 tan metrik/hektar), Pulau Pinang (14.8 tan metrik/hektar) dan Kelantan (10.6 tan metrik/hektar).


17.0 TANAMAN BUAH NAGA

Buah naga atau nama lainnya buah pitaya/ mata naga merupakan sejenis buah yang terkenal dengan bentuknya yang unik. Buah ini mengandungi pelbagai khasiat kepada kesihatan seperti vitamin C, karotena mineral dan fitoalbumin antaranya melambatkan proses penuaan, mencegah kanser dan meningkatkan sistem imunisasi badan. Dengan varieti seperti *Hylocereus undatus* (isi putih) dan *Hylocereus costaricensis* (isi merah), buah naga semakin mendapat tempat dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

17.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN BUAH NAGA

Bilangan pegangan pertanian buah naga yang direkodkan adalah 735 yang terdiri daripada 567 pegangan pertanian individu dan 168 pegangan pertanian perubuhan. Jumlah keluasan bertanam buah naga adalah seluas 2,144.7 hektar manakala keluasan bertuai direkodkan seluas 2,110.4 hektar. Kuantiti pengeluaran buah naga adalah berjumlah 50,628.5 tan metrik dan kuantiti jualan adalah 46,572.2 tan metrik. Nilai jualan buah naga dicatatkan RM181.78 juta. Purata harga buah naga yang direkodkan adalah RM3.90/kg, manakala produktiviti bagi tanaman buah naga adalah 24.0 tan metrik/hektar.

Paparan 32: Parameter Utama Tanaman Buah Naga, Malaysia, 2023



17.1.1 Pegangan Pertanian

Sejumlah 567 pegangan pertanian individu (77.1%) terlibat dalam penanaman buah naga manakala bilangan pegangan pertanian pertubuhan adalah 168 pertubuhan. Lima negeri dengan bilangan pegangan pertanian buah naga tertinggi di Malaysia dicatatkan oleh Sabah (180 pegangan pertanian), Sarawak (141 pegangan pertanian), Selangor (128 pegangan pertanian), Johor (96 pegangan pertanian) dan Negeri Sembilan (52 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 81.2 peratus kepada jumlah pegangan pertanian buah naga di Malaysia. Di peringkat daerah, Sepang, Selangor mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 104 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Ranau, Sabah (45 pegangan pertanian),

Kota Kinabalu, Sabah (37 pegangan pertanian), Tuaran, Sabah (31 pegangan pertanian) dan Kluang, Johor (26 pegangan pertanian).

17.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam buah naga di Malaysia adalah seluas 2,144.7 hektar. Johor merekodkan keluasan bertanam buah naga terbesar 731.1 hektar. Ini diikuti dengan Melaka (420.2 hektar), Negeri Sembilan (348.3 hektar), Selangor (298.7 hektar), dan Sabah (84.7 hektar). Di peringkat daerah, Batu Pahat, Johor mencatatkan keluasan bertanam keseluruhan terbesar seluas 242.4 hektar. Ini diikuti dengan Sepang, Selangor (238.0 hektar), Kluang, Johor (215.2 hektar), Alor Gajah, Melaka (187.6 hektar) dan Port Dickson, Negeri Sembilan (179.0 hektar).

17.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai buah naga di Malaysia adalah seluas 2,110.4 hektar. Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar dengan 717.0 hektar. Ini diikuti dengan Melaka (419.0 hektar), Negeri Sembilan (348.3 hektar), Selangor (297.3 hektar) dan Sabah (76.2 hektar). Di peringkat daerah, Sepang, Selangor mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu seluas 238.0 hektar. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (234.6 hektar), Kluang, Johor (215.2 hektar), Alor Gajah, Melaka (186.9 hektar) dan Port Dickson, Negeri Sembilan (179.0 hektar).

17.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran buah naga di Malaysia adalah berjumlah 50,628.5 tan metrik. Selangor merekodkan kuantiti pengeluaran buah naga tertinggi berjumlah 20,129.1 tan metrik. Ini diikuti oleh Johor (16,188.7 tan metrik), Negeri Sembilan (7,159.6 tan metrik), Melaka (4,117.3 tan metrik) dan Kedah (688.8 tan metrik). Kelima-lima negeri ini meyumbang kepada 95.0 peratus kepada jumlah kuantiti pengeluaran buah naga di Malaysia. Di peringkat daerah, Sepang, Selangor merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran buah naga tertinggi iaitu 18,779.8 tan metrik. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (7,506.2 tan metrik), Kluang, Johor (5,222.4 tan metrik), Port Dickson, Negeri Sembilan (4,033.4 tan metrik) dan Alor Gajah, Melaka (1,894.5 tan metrik).

17.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan buah naga di Malaysia adalah berjumlah 46,572.2 tan metrik. Selangor merekodkan kuantiti jualan buah naga tertinggi iaitu 16,389.9 tan metrik. Ini diikuti oleh Johor (15,954.4 tan metrik), Negeri Sembilan (7,120.2 tan metrik), Melaka (4,109.6 tan metrik) dan Kedah (671.7 tan metrik). Kelima-lima negeri ini meyumbang kepada 95.0 peratus kepada jumlah kuantiti jualan buah naga di Malaysia. Bagi daerah, Sepang, Selangor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 15,047.1 tan metrik. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (7,388.2 tan metrik),

Kluang, Johor (5,221.2 tan metrik), Port Dickson, Negeri Sembilan (4,025.7 tan metrik) dan Alor Gajah, Melaka (1,894.2 tan metrik).

17.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan buah naga di Malaysia adalah RM181.78 juta. Selangor merekodkan nilai jualan buah naga tertinggi dengan RM65.67 juta. Ini diikuti dengan Johor (RM58.84 juta), Melaka (RM22.77 juta), Negeri Sembilan (RM20.51 juta) dan Sabah (RM4.57 juta). Bagi daerah, Sepang, Selangor mencatatkan nilai jualan buah naga tertinggi iaitu RM61.75 juta. Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor (RM28.02 juta), Kluang, Johor (RM18.86 juta), Port Dickson, Negeri Sembilan (RM11.59 juta) dan Jasin, Melaka (RM8.61 juta).

17.1.7 Purata Harga

Purata harga buah naga pada tahun 2023 adalah RM3.90/kg. Manakala, harga jualan buah naga bagi pegangan pertanian individu ialah RM4.57/kg dan purata harga buah naga bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM3.66/kg. Sabah mencatatkan purata harga buah naga tertinggi iaitu RM6.92/kg. Ini diikuti dengan Melaka (RM5.54/kg), Sarawak (RM5.45/kg), Perlis dan W.P. Labuan mencatatkan purata harga yang sama iaitu RM5.44/kg dan Kedah (RM5.18/kg).


17.1.8 Produktiviti

Produktiviti buah naga di keseluruhan Malaysia mencatatkan 24.0 tan metrik/hektar. Produktiviti durian yang direkodkan bagi pegangan pertanian individu di ialah 27.5 tan metrik/hektar manakala produktiviti yang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan 22.6 tan metrik/hektar. Selangor merekodkan produktiviti keseluruhan tertinggi 67.7 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Perlis dan W.P. Labuan mencatatkan produktiviti yang sama iaitu 30.0 tan metrik/hektar, Johor (22.6 tan metrik/hektar) dan Negeri Sembilan (20.6 tan metrik/hektar) dan Kedah (18.3 tan metrik/hektar).

18.0 TANAMAN MANGGIS

Manggis yang dikenali sebagai Ratu Buah merupakan antara tanaman buah-buahan utama di Malaysia. Dengan pelbagai varieti tempatan seperti Manggis Biasa/ Manggis Kampung, Manggis Putih, Manggis Hibrid, dan Manggis Hutan, manggis bukan sahaja menjadi simbol identiti budaya, malah turut menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara. Berdasarkan Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023, Malaysia telah mengeksport 1,907.7 tan metrik Manggis, 12.7 peratus lebih rendah berbanding kuantiti yang dieksport pada tahun 2022 (2,186.0 tan metrik). Penggunaan Per Kapita (PCC) bagi manggis kekal pada 0.7 kg/tahun bagi tahun 2022 dan 2023.


Carta 15: Eksport dan Penggunaan Per Kapita (PCC), Manggis, Malaysia 2022-2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) bagi Manggis adalah 94.7 peratus (2022: 90.5) manakala Kadar Kebergantungan Import (IDR) pula direkodkan 13.5 peratus, berkurang berbanding 17.9 peratus pada 2022.

Carta 16: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR)
Manggis, Malaysia, 2022-2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

18.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN MANGGIS

Bilangan pegangan pertanian manggis yang direkodkan adalah 3,169 yang terdiri daripada 3,116 pegangan pertanian individu dan 53 pegangan pertanian pertubuhan. Jumlah keluasan bertanam manggis adalah seluas 3,131.6 hektar manakala keluasan bertuai direkodkan seluas 2,966.9 hektar. Kuantiti pengeluaran manggis adalah 39,891.2 tan metrik dan kuantiti jualan adalah sejumlah 30,176.5 tan metrik. Nilai jualan manggis direkodkan RM155.85 juta. Purata harga manggis adalah RM5.16/kg, manakala produktiviti bagi tanaman manggis adalah 13.4 tan metrik/hektar.

Paparan 33: Parameter Utama Tanaman Manggis, Malaysia, 2023



18.1.1 Pegangan Pertanian

Sejumlah 3,116 pegangan pertanian individu (98.3%) terlibat dalam penanaman manggis manakala, bilangan pertanian pertubuhan adalah 53 pertubuhan (1.7%). Lima negeri dengan bilangan pegangan pertanian manggis tertinggi dicatatkan oleh Sabah (630 pegangan pertanian), Terengganu (506 pegangan pertanian), Johor (461 pegangan pertanian), Kedah (395 pegangan pertanian) dan Perak (373 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada

75.0 peratus kepada jumlah pengusaha manggis di Malaysia. Di peringkat daerah, Muar, Johor mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 222 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Sipitang, Sabah (170 pegangan pertanian), Larut dan Matang, Perak (154 pegangan pertanian), Yan, Kedah (152 pegangan pertanian) dan Ranau, Sabah (126 pegangan pertanian).

18.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam manggis di Malaysia adalah seluas 3,131.6 hektar. Kedah merekodkan keluasan bertanam manggis terbesar 680.8 hektar. Ini diikuti dengan Kelantan (465.7 hektar), Johor (387.6 hektar), Perak (312.6 hektar) dan Melaka (271.4 hektar). Di peringkat daerah, Yan, Kedah mencatatkan keluasan bertanam manggis terbesar seluas 303.7 hektar. Ini diikuti dengan Larut dan Matang, Perak (159.4 hektar), Jasin, Melaka (154.5 hektar), Besut, Terengganu (125.0 hektar) dan Segamat, Johor (108.7 hektar).

18.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai manggis di Malaysia adalah seluas 2,966.9 hektar. Kedah merekodkan keluasan bertuai terbesar 661.8 hektar. Ini diikuti dengan Kelantan (430.4 hektar), Johor (339.4 hektar), Perak (310.6 hektar) dan Melaka (262.1 hektar). Di peringkat daerah, Yan, Kedah mencatatkan keluasan bertuai manggis terbesar seluas 299.4 hektar. Ini diikuti dengan Larut dan Matang, Perak (159.3 hektar), Jasin, Melaka (153.2 hektar), Besut, Terengganu (124.3 hektar) dan Segamat, Johor (106.7 hektar).

18.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran manggis di Malaysia adalah berjumlah 39,891.2 tan metrik. Kedah merekodkan kuantiti pengeluaran manggis tertinggi dengan 7,962.4 tan metrik. Ini diikuti oleh Kelantan (7,874.8 tan metrik), Johor (7,009.9 tan metrik), Melaka (3,676.5 tan metrik) dan Perak (3,528.1 tan metrik). Kelima-lima negeri ini meyumbang kepada 75.0 peratus kepada jumlah kuantiti pengeluaran manggis di Malaysia. Di peringkat daerah, Yan, Kedah merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran manggis tertinggi iaitu 3,592.8 tan metrik. Ini diikuti dengan Tangkak, Johor (2,588.5 tan metrik), Kuala Krai, Kelantan (2,029.9 tan metrik), Alor Gajah, Melaka (1,852.6 tan metrik) dan Segamat, Johor (1,644.7 tan metrik).

18.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan manggis di Malaysia adalah 30,176.5 tan metrik. Kedah merekodkan kuantiti jualan manggis tertinggi dengan 6,704.5 tan metrik. Ini diikuti oleh Johor (5,057.1 tan metrik), Kelantan (4,114.6 tan metrik), Melaka (3,552.9 tan metrik) dan Perak (2,895.2 tan metrik). Kelima-lima negeri ini

meyumbang kepada 74.0 peratus kepada jumlah kuantiti jualan manggis di Malaysia. Bagi daerah, Yan, Kedah mencatatkan jumlah kuantiti jualan tertinggi iaitu 3,180.3 tan metrik. Ini diikuti dengan Alor Gajah, Melaka (1,817.9 tan metrik), Tangkak, Johor (1,790.8 tan metrik), Segamat, Johor (1,638.2 tan metrik) dan Jasin, Melaka (1,425.3 tan metrik).

18.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan manggis di Malaysia adalah RM155.85 juta. Kedah merekodkan nilai jualan manggis tertinggi dengan RM30.17 juta. Ini diikuti dengan Johor (RM28.08 juta), Kelantan (RM22.42 juta), Melaka (RM19.21 juta) dan Sabah (RM10.35 juta). Bagi daerah, Yan, Kedah mencatatkan nilai jualan manggis tertinggi iaitu RM14.31 juta. Ini diikuti dengan Tangkak, Johor (RM9.99 juta), Alor Gajah, Melaka (RM9.75 juta), Segamat, Johor (RM9.04 juta) dan Jasin, Melaka (RM7.77 juta).

18.1.7 Purata Harga

Purata harga manggis pada tahun 2023 adalah RM5.16/kg. Manakala, harga jualan manggis bagi pegangan pertanian individu ialah RM5.13/kg dan purata harga manggis bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM5.36/kg. Sarawak mencatatkan purata harga tertinggi iaitu RM7.04/kg. Ini diikuti dengan Pulau Pinang (RM6.88/kg), Sabah (RM6.61/kg), Johor (RM5.55/kg) dan Kelantan, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor, Perlis dan W.P. Labuan mempunyai purata harga yang sama iaitu RM5.45/kg.

18.1.8 Produktiviti

Produktiviti tanaman manggis direkodkan 13.4 tan metrik/hektar. Produktiviti manggis yang direkodkan bagi pegangan pertanian individu di Malaysia ialah 12.9 tan metrik/hektar manakala produktiviti yang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan 19.0 tan metrik/hektar. Johor merekodkan produktiviti manggis tertinggi iaitu 20.7 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Kelantan (18.3 tan metrik/hektar), Negeri Sembilan (17.2 tan metrik/hektar), Melaka (14.0 tan metrik/hektar) dan Pahang (13.4 tan metrik/hektar).


19.0 TANAMAN CEMPEDAK

Cempedak (*Artocarpus integer*) ialah sejenis buah tropika yang berasal dari Asia Tenggara, khususnya di Malaysia, Indonesia dan Thailand. Ia tergolong dalam keluarga Moraceae sama seperti nangka dan sukun. Cempedak sejenis buah tempatan yang popular dan banyak ditanam di kawasan luar bandar. Terdapat beberapa jenis cempedak di Malaysia antaranya adalah Cempedak Nangka, Cempedak Kampung, Cempedak Madu, Cempedak Golek dan Cempedak Siam.

19.1 PARAMETER UTAMA TANAMAN CEMPEDAK

Bilangan pegangan pertanian tanaman cempedak yang direkodkan adalah 3,644 yang terdiri daripada 3,549 pegangan pertanian individu dan 95 pegangan pertanian pertubuhan. Jumlah keluasan bertanam cempedak adalah 5,263.9 hektar manakala keluasan bertuai direkodkan 5,010.8 hektar. Kuantiti pengeluaran cempedak adalah 29,753.6 tan metrik dan kuantiti jualan adalah berjumlah 21,337.5 tan metrik. Nilai jualan cempedak dicatatkan RM93.90 juta. Purata harga cempedak yang direkodkan adalah RM4.40/kg, manakala produktiviti bagi tanaman cempedak adalah 5.9 tan metrik/hektar.

Paparan 34: Parameter Utama Tanaman Cempedak, Malaysia, 2023



19.1.1 Pegangan Pertanian

Sejumlah 3,549 pegangan pertanian individu (97.4%) terlibat dalam penanaman cempedak manakala bilangan pertanian pertubuhan adalah 95 pertubuhan (2.6%). Lima negeri dengan bilangan pegangan pertanian cempedak tertinggi dicatatkan oleh Sabah (945 pegangan pertanian), Sarawak (865 pegangan pertanian), Perak (387 pegangan pertanian), Kedah (371 pegangan pertanian) dan Terengganu (246 pegangan pertanian). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 77.5 peratus kepada jumlah pengusaha cempedak di Malaysia. Di peringkat daerah, Sipitang, Sabah mencatatkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu 226 pegangan pertanian. Ini diikuti dengan Kanowit, Sarawak (197 pegangan pertanian), Lawas, Sarawak (157 pegangan pertanian), Kota Kinabalu, Sabah (135 pegangan pertanian) dan Kuala Kangsar, Perak (130 pegangan pertanian).

19.1.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam cempedak di Malaysia adalah seluas 5,263.9 hektar. Sarawak merekodkan keluasan bertanam cempedak terbesar 1,484.3 hektar. Ini diikuti dengan Sabah (1,303.0 hektar), Kedah (669.1 hektar), Pahang (500.2 hektar) dan Johor (359.2 hektar). Di peringkat daerah, Kanowit, Sarawak mencatatkan keluasan bertanam cempedak terbesar seluas 306.9 hektar. Ini diikuti dengan Lawas, Sarawak (247.2 hektar), Sipitang, Sabah (225.4 hektar), Limbang, Sarawak (187.6 hektar) dan Ranau, Sabah (168.2 hektar).

19.1.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai cempedak di Malaysia adalah seluas 5,010.8 hektar. Sarawak merekodkan keluasan bertuai terbesar seluas 1,393.8 hektar. Ini diikuti dengan Sabah (1,245.6 hektar), Kedah (652.7 hektar), Pahang (448.3 hektar) dan Johor (354.3 hektar). Di peringkat daerah, Kanowit, Sarawak mencatatkan keluasan bertanam cempedak terbesar seluas 296.1 hektar. Ini diikuti dengan Sipitang, Sabah (218.5 hektar), Lawas, Sarawak (214.9 hektar), Limbang, Sarawak (176.4 hektar) dan Yan, Kedah (166.8 hektar).

19.1.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran cempedak di Malaysia adalah 29,753.6 tan metrik. Sarawak merekodkan kuantiti pengeluaran cempedak tertinggi berjumlah 7,357.6 tan metrik. Ini diikuti oleh Kedah (5,030.7 tan metrik), Sabah (4,985.5 tan metrik), Johor (2,861.9 tan metrik) dan Pahang (2,828.7 tan metrik). Kelima-lima negeri ini meyumbang kepada 78.0 peratus kepada jumlah kuantiti pengeluaran cempedak di Malaysia. Di peringkat daerah, Yan, Kedah merekodkan kuantiti pengeluaran cempedak tertinggi iaitu 1,798.7 tan metrik. Ini diikuti dengan Lawas, Sarawak (1,505.0 tan metrik), Segamat, Johor (1,175.5 tan metrik), Tuaran, Sabah (1,174.8 tan metrik) dan Kanowit, Sarawak (1,166.6 tan metrik).

19.1.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan cempedak di Malaysia adalah 21,337.5 tan metrik. Sarawak merekodkan kuantiti jualan cempedak tertinggi dengan 5,690.3 tan metrik. Ini diikuti oleh Sabah (3,758.9 tan metrik), Kedah (3,131.1 tan metrik), Pahang (2,357.3 tan metrik) dan Johor (2,202.0 tan metrik). Kelima-lima negeri ini meyumbang kepada 80.0 peratus kepada jumlah kuantiti jualan cempedak di Malaysia. Bagi daerah, Kanowit, Sarawak mencatatkan jumlah kuantiti jualan cempedak tertinggi iaitu 1,143.2 tan metrik. Ini diikuti dengan Lawas, Sarawak (957.9 tan metrik), Segamat, Johor (917.5 tan metrik), Limbang, Sarawak (825.8 tan metrik) dan Raub, Pahang (813.2 tan metrik).

19.1.6 Nilai Jualan

Nilai jualan cempedak di Malaysia adalah RM93.90 juta. Sarawak merekodkan nilai jualan cempedak tertinggi dengan RM22.65 juta. Ini diikuti dengan Sabah (RM17.57 juta), Kedah (RM13.53 juta), Pahang (RM12.49 juta) dan Johor (RM9.20 juta). Di peringkat daerah, Kanowit, Sarawak mencatatkan nilai jualan cempedak tertinggi iaitu RM4.55 juta. Ini diikuti dengan Temerloh, Pahang (RM4.20 juta), Segamat, Johor (RM3.82 juta), Lawas, Sarawak (RM3.81 juta) dan Raub, Pahang (RM3.50 juta).

19.1.7 Purata Harga

Purata harga cempedak pada tahun 2023 adalah RM4.40/kg. Manakala, harga jualan cempedak bagi pegangan pertanian individu ialah RM4.29/kg dan purata harga cempedak bagi pegangan pertanian pertubuhan ialah RM2.97/kg. Pulau Pinang mencatatkan purata harga cempedak tertinggi iaitu RM6.06/kg. Ini diikuti dengan Pahang (RM5.30/kg), Sabah (RM4.67/kg) serta Kedah, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Selangor, Terengganu, Perlis, Kelantan, W.P. Labuan dan W.P. Kuala Lumpur mempunyai purata harga yang sama iaitu RM4.32/kg dan Johor (RM4.18/kg).

19.1.8 Produktiviti

Produktiviti tanaman cempedak direkodkan 5.9 tan metrik/hektar. Produktiviti cempedak yang direkodkan bagi pegangan pertanian individu adalah 5.8 tan metrik/hektar manakala produktiviti yang direkodkan oleh pegangan pertanian pertubuhan adalah 25.0 tan metrik/hektar. Negeri Sembilan merekodkan produktiviti tanaman cempedak tertinggi iaitu 11.0 tan metrik/hektar. Ini diikuti dengan Pulau Pinang (9.7 tan metrik/hektar), Kelantan (9.5 tan metrik/hektar), Perak (8.4 tan metrik/hektar) dan Johor (8.1 tan metrik/hektar).

MENJEJAK POTENSI TANAMAN ANGGUR DAN ANGGUR BRAZIL DI MALAYSIA

Nazira Abdullah¹, Norfariza Hanim Kasim²

¹Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, Jabatan Perangkaan Malaysia

²Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam usaha memperkukuh sektor pertanian negara, usaha pencarian tanaman baharu yang bernilai tinggi dan sesuai dengan iklim tempatan wajar diberi perhatian. Sebagai contoh, tanaman anggur yang dahulunya dianggap hanya sesuai ditanam di negara beriklim sederhana, kini menunjukkan potensi besar untuk diusahakan di Malaysia melalui pendekatan penanaman terkawal dan pemilihan varieti tahan tropika. Lebih menarik, kemunculan tanaman eksotik seperti Anggur Brazil atau turut dikenali sebagai jaboticaba yang berasal dari Brazil turut mencetuskan minat dalam kalangan pekebun dan penyelidik tempatan. Artikel ini membincangkan sejarah, kejayaan serta kajian berkaitan tanaman anggur di Malaysia, dan seterusnya meneroka potensi tanaman Anggur Brazil sebagai alternatif baharu dalam landskap pertanian tropika.

Anggur yang secara tradisinya dikaitkan dengan negara beriklim sederhana seperti di Eropah, Australia, dan Timur Tengah, kini mula menunjukkan potensi besar untuk diusahakan di Malaysia. Meskipun negara ini terletak dalam zon tropika dengan ciri-ciri cuaca yang panas dan lembap sepanjang tahun, kemajuan teknologi pertanian moden telah membolehkan tanaman anggur diadaptasi untuk membesar dan berbuah dengan baik. Seiring dengan permintaan pasaran domestik terhadap buah-buahan premium yang semakin meningkat, tanaman anggur tidak lagi dilihat sebagai percubaan luar biasa, tetapi berpotensi menjadi industri baharu yang menyumbang kepada ekonomi pertanian negara. Penanaman anggur di Malaysia telah bermula sejak tahun 1980an dan dipelopori oleh Universiti Pertanian Malaysia yang kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kemudiannya dikomersialkan di negeri Perlis kerana kesesuaian cuaca, iaitu kemarau dan kering selama kira-kira tiga bulan¹. Inisiatif daripada pengusaha pertanian untuk mengusahakan tanaman anggur secara komersial di Malaysia ternyata tidak menghampakan dan telah terbukti melalui liputan kisah-kisah kejayaan mereka dalam media masa kini, antaranya:

- Encik Wan Yusoff Wan Abdul Rahman dari Tumpat, Kelantan, telah membuktikan bahawa anggur boleh hidup dan berbuah lebat di negara beriklim tropika seperti Malaysia. Dengan menanam lebih 100 pokok anggur di kebun seluas 0.4 hektar, beliau mampu menghasilkan sekitar 30kg anggur setiap

¹ <https://rootofscience.com/cara-tanam-anggur/>

musim, dengan setiap tangkai seberat 500 hingga 700 gram. Buah anggur yang dihasilkan sangat manis dan hampir setanding dengan anggur dari negara luar².

- Di Sabah, JonGrapevines & Figs Garden di Tamparuli juga telah membuktikan bahawa hasil tanaman anggur mempunyai kualiti tinggi, dengan saiz dan rasa yang setanding buah diimport. Kebun ini turut dibuka kepada pelawat sebagai destinasi agropelancongan, menawarkan pengalaman memetik anggur segar dari ladang³.
- Sekumpulan penyelidik di Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjalankan projek penanaman varieti anggur premium, *Shine Muscat*, yang mampu mencapai harga pasaran sehingga RM600 sekilogram. Projek ini dijalankan di bawah program penyelidikan agroteknologi moden dan bertujuan untuk membuktikan bahawa varieti anggur bernilai tinggi dari Jepun boleh ditanam secara berkesan di Malaysia melalui teknik agronomi terkini. Inisiatif ini berpotensi mengurangkan kebergantungan kepada import dan membuka peluang komersial kepada pengusaha tempatan⁴.
- Madrasah Darul Zahraa Wal Tahfizil Quran di Kampung Dura, Hulu Terengganu, juga telah meneroka potensi penanaman anggur di Malaysia dengan memulakan projek pertanian anggur dan strawberi sebagai usaha menjana pendapatan bagi menampung kos operasi pusat tahfiz tersebut. Dengan modal permulaan sekitar RM50,000, projek ini melibatkan penanaman 50 varieti anggur dan 11 varieti strawberi menggunakan teknik hidroponik di atas bumbung bangunan tiga tingkat madrasah. Proses tuaian pertama dijangka pada awal September 2025⁵.
- Encik Mohammad Salleh Angullia telah berjaya mengusahakan ladang anggur yang kini menjadi tarikan agropelancongan. Ladang ini menanam lebih 30 varieti anggur, yang membolehkan hasil dituai dua kali setahun. Dengan penggunaan teknologi pertanian moden, termasuk kawalan kelembapan dan pemangkasan yang tepat, usaha ini tidak hanya menjana pendapatan tetap, tetapi turut memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan meningkatkan ekonomi tempatan. Selain itu, projek ini juga menarik pelancong yang berminat untuk melihat proses penanaman anggur dan merasai buah segar, sekali gus membuka peluang baru dalam sektor pelancongan pertanian yang berpotensi besar⁶.

² <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/10/06/grower-proves-grape-vines-can-thrive-in-malaysia039s-climate?>


